



PERMOHONAN UNTUK Menggali Jalan SEBERANG PERAI



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda

14000 Bukit Mertajam

Tel:04-549 7555 Fax: 04-538 9700

www.mpsp.gov.my



BAGAIMANA CARA UNTUK MEMOHON?

1. Pemohon menggali jalan hendaklah daripada Syarikat Pemaju, Juruperunding, Syarikat Utiliti iaitu Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Maxis, Celcom dan lain-lain syarikat utiliti.
2. Pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui Jurutera Perunding dengan pelan yang lengkap serta di perakui oleh Jurutera Perunding dan Sijil Seminar Perparitan Berkualiti dari kontraktor yang akan menjalankan kerja-kerja menggali jalan.
3. Pihak jabatan akan memproses permohonan tersebut dan mengenakan cagaran pembayaran deposit kepada pemohon dan syarat-syarat menggali jalan. Sekiranya lokasi cadangan menggali jalan di jalan di bawah penyelenggaraan agensi yang lain iaitu Pejabat Daerah dan Jabatan Kerja Raya maka pihak Jabatan akan menghantar maklumbalas kepada pemohon untuk tindakan pemohon mengemukakan permohonan ke agensi berkenaan.
4. Apabila bayaran telah dijelaskan , pihak Majlis akan mengeluarkan permit kepada pemohon untuk kerja-kerja menggali jalan.
5. Setelah kerja-kerja menurap jalan selesai dijalankan satu ujian ketebalan jalan dan California Bearing Ratio akan dilaksanakan bagi memastikan ketebalan dan kualiti jalan tersebut mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
6. Selepas enam (6) bulan, pemohon boleh mengemukakan surat tuntutan cagaran bayaran deposit dengan mengemukakan resit asal bayaran.